

TAKHRIJ AL-FURU' 'ALA AL-USUL DALAM PENGISBATAN HUKUM SYARAK: SOROTAN SEJARAH HUKUM ISLAM

(Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul in Deducing Shariah Laws: An Overview of Islamic Legal History)

Ridzwan Bin Ahmad*
Ahmad Zakirullah Bin Mohamed Shaarani**

Abstrak

Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul adalah pengeluaran hukum berdasarkan kaedah pengeluaran hukum yang diasaskan oleh imam – pengasas mazhab fiqh dalam Islam- atau berdasarkan kaedah hukum yang telah diasaskan oleh pengikut mazhab dan diterima sebagai metode istinbat hukum yang sah dalam mazhab. Tujuan penulisan ini adalah ingin mengkaji sejarah perkembangan ijtihad dalam ruang lingkup mazhab - Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul. Fokus kajian adalah berkenaan dengan definisi Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul, kepentingannya, sejarah perkembangan, buku-buku utama yang ditulis dalam bidang ini, dan peranannya dalam mengistinbatkan hukum Syarak dalam ruang lingkup mazhab. Kajian mendapati Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul adalah satu metode istinbat hukum yang digunakan oleh para ulama` dan fuqaha` mazhab. Ia juga memberi sumbangan yang besar dalam mengembangkan mazhab, mengeluarkan hukum dalam sempadan sesuatu mazhab, dan memastikan bahawa hukum Shariah yang diistinbatkan oleh sesuatu mazhab kekal relevan dalam mendepani cabaran perubahan masa dan situasi.

Kata kunci: *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul, ijtihad, kaedah hukum, mazhab, sejarah hukum Islam*

Abstract

Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul (Exposition of the Branches Based on The Principles) is deduction of law based on the methodology established by the imam - founder of an Islamic mazhab - or based on the rules that have been established by the followers of the mazhab and accepted as valid methods of deducing laws in the mazhab. This article aims to study the historical development of ijtihad within the scope of a mazhab - Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul. The focus of the research will be on the definition of Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul, its importance, its historical development and its role in deducing Shariah rules within the sphere of the mazhab. The study found that Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul is a method that has been used by scholars of the mazhab to derive a hukum. It has contributed greatly in expanding the mazhab, deducing the laws within the boundary of the mazhab and ensuring that Shariah laws founded by the mazhab remain relevant in facing the changing of time and situations.

Keywords: *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul, ijtihad, methodology of hukum, mazhab, history of Islamic Laws*

Pengenalan

Hukum Syarak adalah hukum yang terhasil sama ada melalui sumber yang pasti iaitu al-Quran dan al-Sunnah, atau yang terhasil melalui *ijtihad* para ulama berdasarkan kaedah-kaedah *Istinbat*,¹ *Istidlal al-Nazar*,² *Istiqlal*³ dan lain-lain metodologi khusus yang diterima pakai oleh mereka dalam mengistinbat dan mengeluarkan hukum.⁴

* Ridzwan bin Ahmad, Ph.D, Pensyarah Kanan, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: ridzwan@um.edu.my.

** Ahmad Zakirullah Bin Mohamed Shaarani, calon Ph.D, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: zakirullah@ibfim.com.

¹ *Istinbat* bermaksud "mengeluarkan makna-makna dari dalil-dalil melalui kekuatan intelektual dan pemikiran" -rujuk al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad bin 'Ali (2000), *al-Ta'rifat*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 26.

² *Istidlal* bermaksud mencari dan menetapkan dalil untuk mengisbatkan madlul (yang ditunjukkan oleh dalil), atau mencari dalil untuk menyampaikan kepada apa yang dimaksudkan sementara *al-Nazar* pula ialah berfikir kepada apa yang dilihat untuk menyampaikan kepada apa yang diinginkan. *Istidlal* dan *al-Nazar* adalah mempunyai maksud dan tujuan yang sama - al-Mahalli, Jalaluddin Abu Abdullah Muhammad bin Shihabuddin (t.t), *Syarh al-Waraqat fi Usul al-Fiqh*, tahqiq Dr Hisamuddin bin Musa al-Afanah, tanpa tempa cetakan, h. 83-84. Al-Jurjani, Op.cit, h. 21, Dr Muhamad Hamid Uthman (t.t), *al-Qamus al-Mubin fi al-Istilahat al-Usuliyin*, Kaherah; Dar al-Hadith, h.34-35.

³ *Istiqlal* bermaksud mengikuti dan menelusuri bahagian-bahagian sesuatu itu, dan al-Jurjani mentakrifkannya kepada menghukum sesuatu itu secara umum oleh kerana wujudnya sesuatu elemen itu pada kebanyakan masalah atau isu- Jurjani, Op.cit, h. 37, 38. Perbezaan antara *Istiqlal* dan *Qiyas* adalah dari segi proses dan kehujjahan, adapun dari segi proses ianya adalah berdasarkan pemerhatian terhadap isu-isu lain dimana wujud persamaan antara keduanya, lalu dihukumkan secara umum bahawa keduanya adalah sama. Dan jika diperhatikan, *istiqlal* banyak digunakan walau dengan berlainan nama seperti *qiyas al-Shabah* disisi ulama Shafieyah. Antara aplikasi *istiqlal* dalam isu muamalat ialah keharusan fi (upah) ke atas jaminan (*kafalah*), hukum sumber tidak halal yang sedikit

Pengistinbatan hukum Syarak ataupun *ijtihad* adalah salah satu bidang terpenting dalam Islam dan semenjak dari zaman Rasulullah SAW lagi bidang ini menjadi keutamaan para Sahabat. Melalui didikan dan tunjuk ajar dari Rasulullah SAW, para Sahabat mempelajari, memahami, menganalisis dan seterusnya mempraktikkan cara pengistinbatan hukum Syarak dari sumbernya iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Proses ini diteruskan pula oleh para sarjana Islam di zaman para al-Tabien sehinggalah ke zaman kemunculan mazhab-mazhab utama dalam Islam⁵.

Bagi para *mujtahid*, apabila mereka menemui wujudnya ciri-ciri tertentu pada sesuatu dalil Syarak maka mereka akan menghubungkan kaitkan antara dalil-dalil tersebut dengan dalil-dalil lain lantas membina satu sistem atau kaedah pengistinbatan hukum tersendiri. Sistem inilah yang dinamakan sebagai *Qawa'id al-Usuliyah* (Kaedah-Kaedah *Usul al-Fiqh*) dan mereka akan berpegang dengannya dalam mengeluarkan sesuatu hukum.

Melalui proses ini jugalah lahirnya mazhab-mazhab fiqh dalam Islam yang diasaskan oleh imam-imam mujtahid pengasas mazhab (*Mujtahid Mutlaq Mustaqil*), seterusnya mazhab-mazhab ini diikuti dan dikembangkan pula oleh para pengikut imam pengasas mazhab tersebut. Bagi pengikut imam-imam mazhab pula, apabila mereka mengetahui nas-nas yang digunakan oleh imam mereka, menguasai metod *istidlal*, cara *istinbat* hukum, mengetahui metod *qiyas* yang diamalkan, di samping mengetahui kaedah-kaedah *Usul al-Fiqh* yang diguna oleh imam mereka, maka pengetahuan ini digunakan oleh mereka untuk mengistinbat hukum-hukum yang tidak pernah dibincang dan disentuh oleh imam. Dalam hal ini mereka sebenarnya telah mengambil tempat imam mereka dalam menyampaikan hukum Syarak bagi isu-isu yang belum pernah disentuh oleh imam mazhab. Pendapat yang dikeluarkan oleh pengikut imam-imam mazhab berdasarkan kaedah-kaedah *Usul al-Fiqh* yang terpakai dalam mazhab itu dikira sebagai sebahagian dari pendapat dalam mazhab tersebut.⁶ Dalam hal ini Dr Farfur menyatakan:

*“Jika mereka (pengikut imam mazhab) mendapati sudah ada nas dari imam mazhab mereka maka mereka akan terus berhubung menggunakannya, dan bagi isu yang tidak mereka dapati adanya nas dari imam mazhab maka mereka akan menghubungkannya dengan hukum yang telah dinaskan oleh imam. Sesiapa yang memiliki kemampuan ini maka tidak sukar baginya untuk menerangkan hukum Syarak bagi setiap isu berdasarkan pendapat mazhab imamnya. Ini kerana ia sudah berkemampuan menguasai usul al-Shari'ah dan usul-usul masalah. Barangsiapa yang menguasai kaedah-kaedah imam mazhabnya, mendalami hukum-hukum qiyas serta memahami tempat pengambilan 'illah, maka ia sebenarnya mengganti tempat imam mazhabnya yang mujtahid dalam menghubungkan perkara yang tidak dinaskan kepada perkara yang dinaskan oleh Syarak dari aspek hukum yang telah disebutkan oleh imamnya....”*⁷

Definisi *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*

Dari sudut istilah, terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh para ulama⁸, namun definisi yang dikira paling hampir dengan maksud *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* ialah:

yang dimaafkan, dan sebagainya. Lihat Dr *Nazih Hammad* (2001), *Qadaya Fiqhiyyah Mu'asarah fi al-Mal wa al-Iqtisad*, Damsyiq: Dar al-Qalam, h. 283-312, al-Jurjani, Op.cit, h. 81.

⁴ Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (1997), *Al-Mustasfa min al-'Ilmi al-Usul*. Jld. 1, Beirut: Muassasat al-Risalah, h. 112, al-Isnawi, Jamaluddin Abdul Rahim bin Hassan (1999), *Nihayat al-Sul Syarh Minhajul al-Wusul fi al-'Ilmi al-Usul*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 17, Muhammad Abu Zahrah (t.t), *Usul al-Fiqh*, tanpa tempat cetakan, h. 26.

⁵ Rujuk perbincangan ulama dalam kitab-kitab Tarikh Tasyrik seperti Manna' Qattan, *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*, Muhammad 'Ali al-Sayis, *Tarikh al-Fiqh al-Islami, al-Madhkal Ila al-Syariat al-Fiqh al-Islami* dan lain-lain.

⁶ Dr Waliyuddin Farfur (2003), *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul : Dirasah Muqaranah wa al-Taṭbiq*, Damsyiq: Dar al-Farfur, h.6, Dr Mustafa al-Khin (2009), *Athar al-Ikhtilaf fi al-Qawaid al-Usuliyah fi ikhtilaf al-Fuqaha'*, Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 121,122, Dr Ibrahim al-Hafnawi, *Dirasat Usuliyah* (t.t), tanpat tempat cetakan, h. 398.

⁷ Dr Waliyuddin Farfur, Op.cit, h. 6.

⁸ Dr Hafnawi mendefinisikan ilmu *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* dengan katanya: *“Istinbat hukum-hukum fekah yang tidak diketahui wujudnya pendapat imam mazhab tentangnya, melalui pembinaan diatas usul-usul yang umum yang telah diguna oleh mazhab untuk mengistinbat hukum”*- Dr Ibrahim al-Hafnawi (2009), *Al-Fathul al-Mubin fi al-Ta'rif bi Mustalahat al-Fuqaha' wa al-Usuliyin*, Kaherah: Dar al-Salam li al-Ṭaba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah, h. 23.

Dr Yaakub mendefinisikan ilmu *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* dengan katanya: *“ilmu yang membahaskan tentang 'illah-'illah atau tempat ambilan hukum Syariah bertujuan untuk mengembalikan furu'-furu' fekah kepadanya dengan menerangkan sebab-sebab khilaf, atau untuk menerangkan hukum yang belum disebutkan (dinaskan) oleh imam melalui cara memasukkannya dalam kaedah-kaedah imam atau usulnya”*-Dr Yaakub al-Bahisain (1993), *Takhrij al-Furu' 'inda al-Fuqaha' wa al-Usuliyin : Dirasah Nazariyyah Taṭbiqiyah Ta'siliyyah*. Riyadh: Maktabah al-Rushd, h. 51.

Dr Waliyuddin Farfur mendefinisikan ilmu *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* dengan katanya: *“ianya adalah ilmu yang dengannya dikenali pembinaan furu' fiqhi yang juz'ie diatas acuan kaedah-kaedah usulnya yang kulli yang mana kedua- keduanya bersatu dari segi jenis dan kategori, dan ilmu ini bertujuan untuk istinbat hukum-hukum Syarak yang amali dari dalilnya yang tafsili”* Dr Farfur, Op.cit, h. 23.

“Satu ilmu yang menghubungkan di antara furu’-furu’ fiqh dengan asas-asasnya melibatkan hubungkait di antara furu’ fiqhiyyah dengan kaedah-kaedah istinbat hukum yang diguna pakai di sisi sesuatu mazhab, untuk mengistinbat hukum fiqh yang baharu selama mana wujudnya persamaan antara keduanya berdasarkan kepada pandangan pihak yang melakukan proses takhrij ini”.

Definisi di atas menerangkan tentang tujuan dihubungkan di antara furu’-furu’ fiqh dengan kaedah-kaedah usul yang diguna untuk mengistinbat hukum tersebut iaitu ia bertujuan untuk membentuk kemahiran mengistinbat hukum melalui proses latihan amali dengan cara menghubungkan antara furu’-furu’ sedia ada kepada kaedah-kaedah istinbat hukum. Melalui cara ini, seseorang itu didedahkan dengan ijtihad-ijtihad para ulama mazhab dan kaedah-kaedah istinbat hukum yang telah mereka gunakan dalam berijtihad. Proses ini juga akan memberi pendedahan tentang dalil yang digunakan oleh para imam mazhab, metode istinbat hukum, metode qiyas dan sebagainya.

Perkembangan Sejarah Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul

Ilmu *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* berkembang seiring dengan perkembangan *ijtihad* dan *Usul al-Fiqh* itu sendiri. Ini berasaskan bahawa *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* itu adalah aplikasi kepada *Usul al-Fiqh* dan *Usul al-Fiqh* itu sendiri adalah satu rukun terpenting dalam berijtihad dan mengeluarkan hukum. Para ulama baik dari generasi para Sahabat, Tabien, Tabie al-tabien dan *A`immah al-Mujtahidin* (imam-imam mujtahid) mereka berijtihad berdasarkan metode yang diyakini benar oleh mereka. Metode ini diikuti pula oleh anak murid dan para pengikut mereka sehinggalah terbentuknya satu mazhab atau aliran fiqh tertentu berdasarkan *ijtihad* seseorang imam pengasas mazhab. Seterusnya pendapat ini dipakai oleh orang awam sebagaimana yang didapati pada hari ini. Mazhab-mazhab dan aliran fiqh yang ada pada hari ini lahir daripada proses yang sangat panjang, sepanjang sejarah Islam itu sendiri bermula dari zaman Nabi Muhammad SAW lagi diikuti oleh zaman para Sahabat, *Tabien*, *Tabi'e al-tabi'en* dan *al-A`immah al-Mujtahidin* pengasas mazhab sehinggalah pada hari ini.

Dalam membincangkan sejarah perkembangan *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, kewujudannya boleh dilihat dari dua sudut iaitu ilmu *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* itu sendiri sebagai proses ijtihad dan istinbat hukum secara umum tanpa merujuk kepada mana-mana mazhab, dan sudut bahawa *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* itu sebagai ilmu khusus yang membicarakan tentang istinbat hukum melalui kaedah-kaedah Usul-Fiqh yang diasaskan oleh imam pengasas mazhab.

Adapun kewujudan *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* sebagai sebahagian dari proses *ijtihad* tanpa dikaitkan dengan mazhab tertentu, *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* lahir dengan lahirnya *Usul al-Fiqh* dan fiqh itu sendiri⁹. Ini kerana ianya adalah sebahagian dari *ijtihad* yang dilakukan oleh seseorang *mujtahid* dan ia telah bermula semenjak dari zaman Nabi SAW lagi, hanyasanya ianya belum disusun dengan susunan yang teratur apatah lagi yang berbentuk akademik melalui penulisan buku, pengkajian dan sebagainya¹⁰.

Namun jika melihat kepada aspek kedua iaitu ia sebagai ilmu yang khusus yang melihat kepada *ta`lil al-ahkam* (perbincangan tentang *illah* hukum) dan metodologi hukum berdasarkan mazhab tertentu maka boleh dikatakan bahawa ia hanya bermula seawal sesudah kelahiran kitab-kitab usul Imam al-Shafie terutamanya kitabnya yang paling terkenal iaitu kitab *al-Risalah*. Hujah bahawa *takhrij al-furu'* dengan maksud kedua ini lahir dengan kelahiran mazhab al-Shafie ialah, mazhab al-Shafie adalah mazhab pertama yang membincang dan menyusun kaedah-kaedah *Usul al-Fiqh*¹¹, dan proses *takhrij* pula memerlukan kewujudan kaedah-kaedah *Usul al-Fiqh* sebagai asas kepada kewujudannya. Maka kewujudan kedua-dua elemen ini memungkinkan wujudnya disiplin ilmu *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*. Justeru *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* dengan maksud kedua ini muncul dengan kemunculan Imam al-Shafie dan kitab-kitab usulnya.

Namun menurut Dr Yaakob, *takhrij al-furu'* dengan maksud yang kedua iaitu *istinbat* hukum berdasarkan kaedah-kaedah yang diasaskan oleh imam mazhab hanya bermula pada dipertengahan kurun ke 4 hijrah sesudah

⁹ Ibnu Khaldun, Abu Zaid Abdul Rahman bin Muhammad bin Khaldun (2005), *al-Muqaddimah*, tahqiq 'Abdul Salam al-Shadadi, Jld. 3, Khazanah Ibn al-Khaldun, al-Bait al-Funun wa al-'Ulum wa al-Adab, h. 12.

¹⁰ Dr Mustafa al-Khin, Op.cit, h.121,122, Dr Mas'ud bin Musa Falusi (2004), *Madrasatul al-Mutakallimin wa Manhajuh fi Dirasah Usul al-Fiqh*, Riyadh: Maktabah al-Rusyd Nasyirun, h. 76-77, Abu Zahrah (t.t), *Usul al-Fiqh*, h. 13.

¹¹ Al-Razi, Muhammad bin Amru bin Hussain Fakhruddin (1986), *Manaqib al-Shafie*, tahqiq Dr Ahmad Hijazi al-Saqa, Kaherah: Maktabah Kuliyyah al-Azhariyyah, h.153.

lahirnya ulama-ulama mazhab dan sempurnanya kaedah-kaedah yang tersusun hasil dari proses menghimpun, mentarjih, menyusun dan mengeluarkan¹² 'illah dari nas-nas imam mereka

Bagi penulis, pandangan ini kurang tepat, kerana kitab *al-Risalah* dan kitab-kitab Usul lain bagi imam al-Shafie itu sendiri sudah tersusun dalam menerangkan kaedah *Usul al-Fiqh* bagi mazhab Syafie, apatah lagi ia ditulis oleh pengasas mazhab sendiri, dan ini menunjukkan bahawa ilmu ini telah wujud sebelum kurun ke 4 lagi. Bahkan anak-anak murid al-Shafie seperti al-Muzani, al-Buwaiti dan lain-lain telah melakukan *takhrij* mereka berdasarkan kaedah-kaedah imam dan ini juga jelas menunjukkan bahawa *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* telah wujud sebelum kurun ke 4 hijrah lagi.

Walaupun *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* bermula dengan kelahiran mazhab al-Shafie, namun dari segi penulisan pula, ianya bermula agak lewat kerana ia hanya bermula pada kurun ke 6 hijrah iaitu dengan kelahiran kitab *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* oleh imam Al-Zanjani dan buku ini dikira buku terawal menerangkan tentang kaedah-kaedah *Usul al-Fiqh* dan *furu'-furu'* yang ditakhrijkan di bawah kaedah-kaedah tertentu, juga perbincangan tentang perbezaan pendapat dan dalil bagi mazhab-mazhab¹³.

Punca kepada kelewatan penulisan ilmu *takhrij* berbanding dengan kewujudan ilmu ini sendiri adalah kerana aliran penulisan *Usul al-Fiqh* yang dipegang oleh para ulama mazhab al-Shafieyyah sendiri iaitu aliran yang memisahkan antara Usul dan *furu'* (aliran *al-Shafieyyah al-Mutakallimin*). Ia memberi kesan kepada perkembangan penulisan *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*. Ini kerana penulisan *Usul al-Fiqh* berdasarkan aliran *al-Shafieyyah al-Mutakallimin* kurang menekankan kepada contoh-contoh dan aplikasi *Usul al-Fiqh* ke dalam hukum-hukum fiqh, bahkan mereka hanya memfokuskan perbincangan mereka kepada memantap dan memperkuatkan kaedah sahaja tanpa membincangkan contoh-contoh bagi kaedah yang mereka bincangkan, dan ini menyebabkan penulisan mereka tentang *takhrij al-furu'* agak lewat dan tidak berkembang seiring dengan perkembangan penulisan *Usul al-Fiqh* mereka. Hanya apabila mereka merasakan bahawa metode yang mereka ikuti ini wujud sedikit kesukaran dalam menghubungkan *furu'-furu'* dengan kaedah-kaedah Usul mereka dan ini boleh menimbulkan masalah apabila sesuatu *ijtihad* itu ingin dilaksanakan maka mereka mula menghasilkan penulisan tentang cara menghubungkan *furu'* dengan Usul yang merupakan asas bagi *furu'* tersebut dan dari situ timbullah ilmu *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*¹⁴.

Aliran Penulisan *Usul al-Fiqh al-Shafi'iyah al-Mutakallimin* Menerusi *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*

Memandangkan *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* adalah kesinambungan dari ilmu *Usul al-Fiqh* maka aliran penulisan *Usul al-Fiqh* mempunyai hubungan yang rapat dan juga memberi kesan kepada perkembangan *ilmu takhrij al-furu'* itu sendiri.

Kemunculan Imam al-Shafie dan kitab-kitab usulnya memberi kesan penting kepada perkembangan penulisan ilmu *Usul al-Fiqh* kerana sesudah kemunculan penulisan beliau dalam ilmu *Usul al-Fiqh* maka para ulama mula membincangkan tentang kaedah-kaedah hukum, metode *istidlal*, sumber hukum, *ijtihad* dan sebagainya dengan cara yang lebih tersusun dan bersistematik. Dari sini muncullah aliran penulisan yang dikenali dengan nama aliran al-Shafi'iyah, kerana mengambil kira bahawa imam al-Shafie adalah orang pertama yang merintis aliran penulisan ini.

Keunikan aliran penulisan yang dipelopori oleh Imam al-Shafie ini terletak pada perbincangan *Usul al-Fiqh* yang terasing dari perbincangan fiqh, dan tidak disebutkan contoh-contoh hukum yang terhasil dari sesuatu tajuk dalam *Usul al-Fiqh* itu melainkan jika betul-betul perlu sahaja. Bagi mereka yang mengikuti metode penulisan ini, mereka berpandangan bahawa fiqh dibina dari *Usul al-Fiqh*, dan adalah menjadi satu kejanggalan apabila sesuatu Usul itu disebutkan contoh-contoh hukum fiqh yang ada kaitan dengan Usul tersebut. Ini

¹² Dr Yaakob menyatakan bahawa ulama pertama yang menulis tentang *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* ini ialah Abu Laith al-Samarqandi dengan bukunya *Ta'sis al-Nazair* iaitu seorang ulama besar kurun ke 3 hijrah, juga al-Dabusi, seorang ulama besar dalam mazhab Hanafi kurun ke 4 Hijrah dengan karya beliau *Ta'sis al-Nazar* dan menurut Dr Yaakob lagi, walaupun buku ini tidak menggunakan tajuk *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, namun buku ini adalah buku pertama yang menerangkan tentang kaedah-kaedah Usul al-Fiqh dan *takhrij furu'-furu'* darinya. Namun Dr Yaakob, menyebutkan bahawa kitab ini dalam kebanyakan perbincangannya menyebutkan tentang kaedah-kaedah fiqh, dan sesekali menyebut tentang kaedah *Usul al-Fiqh*. Dr Yaakob al-Bahisein, Op.cit, h. 68.

¹³ Dr Muhammad Bakar Ismail Habib (1429 Hijrah), *Ilmu al-Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, Majallah Jamiah Ummul al-Qura Li Ulum al-Shariah wa al-Dirasat al-Islamiyyah (45), h. 293. Al-Zanjani, Shihabuddin Mahmud bin Ahmad (t.t), *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, tahqiq Dr Adib Saleh, Muassasah Risalah, h. 35.

¹⁴ Al-Zanjani, Ibid.

bertujuan untuk memastikan keabsahan sesuatu kaedah itu supaya ia tidak dipengaruhi oleh hukum Fiqh. Dalam soal ini Imam al-Haramayn al-Juwayni ada menyatakan:

“Dalam soal perbincangan berkaitan dengan usul, kami tidak berpaling (melihat) kepada Fiqh, justeru furu' dibetulkan menggunakan usul dan bukannya furu' dibetulkan dengan furu'”¹⁵.

Beliau juga menyatakan:

Adalah menjadi tanggungjawab ulama' Usul supaya tidak cenderung kepada mana-mana mazhab, dan tidak melazimkan diri mengikut satu jalan sahaja, tetapi hendaklah ia yang memutuskan jalan, juga tidak perlu berpaling kepada mazhab-mazhab fuqaha dalam soal furu...”¹⁶.

Aliran ini juga dikenali dengan nama aliran *al-Mutakallimin* kerana ramai ulama ilmu *Kalam* yang mengikut metode ini disamping mereka memasukkan perbincangan-perbincangan yang berkaitan ilmu *Kalam* ke dalam ilmu Usul al-Fiqh, seperti soal dosa pahala sebelum dibangkitkan para rasul, kehujahan *al-Quran*, *al-Sunnah*, *al-Ijma'*, *al-Qiyas*, adakah para nabi itu *ma'sum* sebelum dibangkitkan menjadi rasul dan sebagainya.¹⁷ Dalam soal ini Sheikh Abu Zahrah ada berkata:

“Sesudah kewujudan mazhab-mazhab, para fuqaha dalam soal pengkajian tentang Usul al-Fiqh terbahagi kepada dua aliran yang berbeza, salah satunya ialah aliran teori. Aliran ini tidak terkesan dengan hukum-hukum furu' dari mazhab tertentu, bahkan aliran ini membincangkan dan mengasaskan kaedah-kaedah hukum tanpa mengaplikasikannya dalam mana-mana mazhab sama ada ianya bertujuan untuk memperkuatkan hujah mana-mana mazhab ataupun bertujuan untuk menolak dan melemahkan hujah mazhab lain...Dan dinamakan metode yang pertama itu

¹⁵ Al-Juwaini, Imam al-Haramain 'Abdul Malik bin 'Abdullah (1399 Hijrah), *al-Burhan fi al-Usul al-Fiqh*, tahqiq Dr 'Abdul 'Azim Daib, Jld. 2, Daulah Qatar, h.1363.

¹⁶ Al-Juwaini, Ibid, h.1220.

¹⁷ Dr Muhammad Riyadh Fakhri ada menulis tentang hubungan diantara ilmu *Usul al-Fiqh* dan ilmu Usul al-Din (ilmu *Kalam*) dan kesannya dalam masalah-masalah usul.

Beliau menyatakan bahawa dari segi perkembangan ilmu Usul al-Fiqh, pada asalnya ilmu Usul al-Fiqh sebagaimana yang disusun oleh imam al-Shafie dalam kitab-kitab usulnya terutama kitab al-Risalah adalah satu disiplin ilmu yang bebas dari perbincangan tentang ilmu kalam dan ilmu usul al-Din, bahkan ianya adalah ilmu yang semata-mata membincangkan tentang istinbat hukum dari dalilnya sahaja.

Ilmu Usul al-Fiqh mula diserapi oleh ilmu *Kalam* atau ilmu *Usuluddin* (teologi) terutama dengan berkembangnya mazhab *Mu'tazilah* pada kurun ke 3 hijrah, dan ramai dari kalangan para ulama' mereka menghasilkan penulisan-penulisan dalam bidang Usul al-Fiqh, disamping mereka menambah dalam perbincangan mereka isu-isu yang berkaitan ilmu kalam. Damun dalam masa yang sama juga, muncul dua mazhab lain iaitu mazhab al-Asyairah dan mazhab al-Maturidiah, dan bagi setiap aliran ini, mereka mendalami ilmu Usul al-Fiqh sejajar dengan aliran mereka dari segi aqidah. Bagi mazhab al-Asha'irah, ianya diasaskan oleh bekas pengikut *Mu'tazilah* iaitu Abu Hassan al-Asy'ari, dan oleh kerana ia seorang yang sibuk dengan ilmu kalam, apatah lagi untuk berhadapan dengan mazhab *Muktazilah* yang sudah agak terkehadapan dalam ilmu Usul al-Fiqh, maka ia dibantu oleh ulama' usul dari mazhab al-Shafie iaitu Imam Abu Bakar al-Sairafi dan Imam al-Qaffal al-Shashi, dan melalui jasa kedua orang ulama' ini maka aliran Usul al-Fiqh *al-Shafieyyah al-Asha'irah* wujud dan berkembang. Bagi mazhab al-Maturidiah pula, ianya diasaskan oleh seorang tokoh Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah iaitu Abu Mansur al-Maturidiah, dan beliau mengasaskan ilmu Usul al-Fiqh berasaskan aliran *al-Ahna'f*. Berbeza dengan Abu Hassan al-Ash'ari yang dibantu oleh ulama usul, oleh kerana Abu Mansur seorang ahli fiqh dan dalam masa yang sama juga adalah ahli ilmu *Kalam*, maka beliau menghasilkan sendiri penulisan-penulisan yang sama ada dalam bidang Usul al-Fiqh seperti *Ma'akhiz al-Shariah* dan *al-Jidal*, atau dalam bidang ilmu kalam seperti kitab *Kitab Al-*, *Kitab Radd Awa'il al-Adilla*, *Kitab al-Maqalat* dan kitab-kitab lain.

Seterusnya dalam kurun ke 4 hijrah, Ilmu Usul al-Fiqh dan ilmu kalam menjadi ilmu yang saling diperbincangkan dalam ilmu Usul al-Fiqh, dan setiap aliran menghasilkan penulisan-penulisan mereka, sehinggalah kemunculan al-Baqilani (dengan kitabnya al-Taqrif) dan Abdul al-Jabbar (dengan kitabnya al-Umd) dimana kedua kadi ini “memperhalusi, menjelaskan maksud, menerangkan perkara-perkara yang kesamaran, meluaskan perbincangan...” tentang ilmu Usul al-Fiqh/ilmu kalam dan kedua kitab ini menjadi kitab rujukan bagi kedua aliran iaitu al-Shafieyyah *Mu'tazilah* dan al-Shafieyyah al-Asha'irah.

Seterusnya dalam kurun yang ke 5 hijrah pula, Usul al-Fiqh telah menjadi sebatian dengan ilmu *Kalam*, dan kebanyakan ulama-ulama yang menulis dalam Usul al-Fiqh akan memasukkan juga sebahagian perbincangan tentang ilmu kalam yang mempunyai kaitan dengan ilmu Usul al-Fiqh, dan antara tokoh yang paling terkenal dalam kurun ini ialah imam al-Haramain al-Juwaini dengan kitabnya *al-Burhan*. Kitab ini dikira sebagai kitab rujukan utama ilmu Usul al-Fiqh/ilmu *Kalam* bagi kurun ke 6-7 sebagaimana juga al-Risalah menjadi rujukan bagi kurun ke 3-4 hijrah. Namun begitu, dizaman ini, terdapat juga aliran yang memisahkan antara Usul al-Fiqh dan ilmu kalam, dan antara ulama aliran ini ialah al-Shirazi (*al-Luma'*), al-Baji (*Ihkam al-Fusul*), dan Ibnu al-Sam'ani (*Qawati' al-Adillah*).

Seterusnya penghujung kurun 6 menyaksikan kemerosotan pengaruh dan aliran *Muktazilah*, dan dalam masa yang sama juga kemunculan kitab-kitab yang ditulis oleh para usuli dari aliran *al-Shafieyyah al-Asyairah al-Mutakallimin* yang menggabungkan ilmu Usul al-Fiqh dan ilmu *Kalam* seperti kitab *al-Mahsul* oleh al-Razi, *al-Minhaj* oleh al-Baidawi, *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam* oleh al-Amidi, *al-Hasil* oleh al-Armawi dan lain-lain. Namun kitab-kitab ini adalah kitab yang diambil dari kitab *al-Mustasfa* (al-Ghazali) dan kitab *al-Mu'tamad* (Abu Husain al-Basri al-Muktazili). Dan berakhirlah zaman penulisan kitab-kitab utama dalam bidang Usul al-Fiqh dengan berakhirnya kurun ke 7 hijrah, dan para ulama sesudah itu lebih kepada mensyarahkan kitab-kitab diatas sahaja. - rujuk Dr Muhammad Riyadh al-Fakhri: *Tatawwur al-'Alaqah Baini 'Ilm al-Usul al-Fiqh wa Usul al-Din wa Atharuhu fi al-Masail al-Usuliyah*, Majallah Ulum al-Islamiyyah, bil 3, Iraq: Mu'tamar Ilmu Usul al-Fiqh Wa Silatuhu Bi Ulum al-Ukhra, h. 252-260.

dengan nama metode Shafieyah kerana mengambil kira bahawa al-Shafie adalah orang pertama yang menerangkan metod ini dalam pengajiannya iaitu pengkajian teori semata-mata, dan dinamakan juga aliran ini dengan nama aliran Mutakallimin, kerana ramai dari para ulama ilmu kalam yang menyumbang dalam perbincangan usul (Usul al-Fiqh) berdasarkan manhaj yang berasaskan teori ini”¹⁸.

Aliran al-Shafieyah atau aliran al-Mutakallimin ini lebih mementingkan kesahihan kaedah tanpa mengambil kira sama ada ia boleh menguatkan mazhab tertentu atau sebaliknya dan mereka juga terkenal kurang mengemukakan contoh-contoh dalam perbincangan Usul al-Fiqh mereka kecuali sangat diperlukan sahaja.

Selain dari itu, di sana terdapat juga aliran penulisan Usul al-Fiqh yang berbeza dengan pendekatan yang dibawa oleh aliran al-Shafieyah al-Mutakallimin ini dan ianya dikenali dengan nama aliran Ahnaf kerana penulisan jenis ini dipelopori oleh ulama mazhab Hanafi. Ia juga dikenali dengan nama aliran Fuqaha kerana perbincangan mereka lebih hampir kepada ilmu fiqh disebabkan banyaknya contoh-contoh fiqh yang disebutkan.

Keunikan aliran ini adalah terletak pada pengkajian tajuk-tajuk dalam Usul al-Fiqh iaitu bagi setiap tajuk-tajuk yang dibincangkan, ianya akan disertai dengan contoh-contoh hukum fiqh. Di samping itu juga mereka membina kaedah-kaedah *istinbat* hukum dari hukum-hukum fiqh yang terdapat dalam perbendaharaan mazhab mereka. Bagi aliran ini, mereka membina Usul al-Fiqh dari fiqh yang ditinggalkan oleh para imam mereka¹⁹.

Kepentingan Ilmu Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul

Ilmu *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* mempunyai kepentingan yang tersendiri. Di antaranya adalah seperti berikut:

Mengetahui Aplikasi Usul al-Fiqh Dalam Fiqh

Kepentingan ilmu *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* boleh dilihat dari segi peranannya dalam menyampaikan maksud dan tuntutan ilmu Usul al-Fiqh itu sendiri iaitu mengistinbatkan hukum fiqh dari dalil-dalilnya. Melalui *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, para pengkaji dapat melihat bagaimanakah kaedah-kaedah Usul al-Fiqh diaplikasikan dalam mengistinbatkan hukum, terutama bagi mereka yang membincangkan Usul al-Fiqh berdasarkan aliran al-Mutakallimin atau aliran al-Shafi'iyah yang lebih menekankan kepada kesahihan dan kekuatan sesuatu teori dan kaedah usul itu sahaja tanpa menerangkan apakah kesan kaedah tersebut dalam hukum amali. Dalam hal ini Imam al-Zanjani telah menyatakan:

“Ketika mana aku tidak mendapati seorang pun dari para ulama yang terdahulu dan fuqaha semasa yang mendalami perkara ini, bahkan Ulama Usul hanya menyatakan teori-teori Usul semata-mata,, begitu juga ulama' fiqh pula hanya menaqalkan furu'-furu' fiqh tanpa diterangkan bagaimanakah kaitan hukum-hukum furu' tersebut dengan usul-usul tersebut, justeru aku ingin menerangkan sejelas-jelasnya melalui kacamata pengkaji dengan tulisan yang boleh memudahkan orang yang melihat, lalu aku hasilkan kitab ini, dengan niat untuk menerangkan tentang perkara yang sebenar. Aku terangkan di dalamnya perbincangan para mujtahidin dan aku ubati dengannya kepayahan orang yang meminta tunjuk ajar. Aku mulakan dengan isu-isu Usul al-Fiqh yang kepadanya dihubungkan kepada furu'-furu' fiqh pada setiap topik, dan aku sebutkan hujah-hujah usuliyah dari kedua pihak (Syafi'iyah dan Hanafiyah), kemudian aku nyatakan furu'-furu' daripada isu-isu Usul al-Fiqh tersebut, lalu terhasillah kitab ini.) ...²⁰”

Jelas dari apa yang diungkapkan oleh al-Zanjani tentang kepentingan *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* iaitu mengetahui bagaimanakah Usul al-Fiqh diaplikasikan dalam *istinbat* hukum fiqh.

Mengetahui Dalil-Dalil Syarak dan Kaedah Istinbat Hukum

Ilmu *takhrij* juga memberi pendedahan kepada mereka yang terlibat dalam bidang pengeluaran hukum untuk mengetahui dalil-dalil Syarak yang digunakan oleh pengasas mazhab, di samping metode *istinbat* hukum dari

¹⁸ Abu Zahrah, Op.cit, h.18.

¹⁹ Ibn Khaldun, Op.cit, h. 455.

²⁰ Al-Zanjani, Op.cit, h. 35.

dalil tersebut. Ini sangat penting kerana melalui pengetahuan tentang dalil-dalil atau tempat ambilan yang digunakan oleh para imam mazhab maka ianya akan memudahkan para ulama' dan fuqaha dalam mengistinbatkan sendiri hukum Syarak.

Sebenarnya inilah maksud *Usul al-Fiqh* itu sendiri iaitu mengetahui dalil-dalil fiqh secara *ijmali*, sebagaimana definisi yang diberikan oleh Imam al-Ghazali iaitu;

“*Usul al-Fiqh adalah ilmu tentang dalil hukum-hukum dan pengetahuan tentang pendalilan hukum secara umum bukannya secara tarperinci.*”²¹

Mengetahui Mazhab-Mazhab dan Pentarjihan Hukum di antara Mazhab

Antara kepentingan ilmu *takhrij al-furu'* juga adalah untuk mengetahui pandangan dan mazhab-mazhab beserta dalil-dalil yang mereka gunakan (*Muqaranah*). Pengetahuan tentang perkara ini penting sebagai panduan untuk membuat pentarjihan antara mazhab-mazhab, juga dalam masa yang sama boleh menguatkan mazhab pentakhrij sendiri. Ini kerana setiap *furū'* itu dihubungkan kepada kaedah-kaedah Usul dan setiap kaedah itu mempunyai dalilnya yang tersendiri, justeru dari kaedah-kaedah tersebutlah lahirlah sesuatu mazhab itu. Dengan mengetahui kaedah-kaedah yang digunakan maka seseorang itu akan mengetahui asal-usul dan kaedah yang digunapakai oleh setiap mazhab dan ini memudahkan proses pentarjihan atau pemilihan pendapat yang menurut pandangan seseorang itu paling hampir kepada kehendak nas Syarak.²² Justeru *muqaranah* sangat penting dalam proses istinbat hukum kerana dengannya dapat diketahui dalil-dalil yang digunakan oleh para mujtahid dan yang manakah antara dalil yang digunakan ini lebih kuat, tepat dan sesuai diamalkan²³.

Bahkan banyak penulisan yang dihasilkan semata-mata untuk membincangkan perbezaan pendapat (*Muqaranah*) terutama antara mazhab al-Shafie dan Hanafi seperti karya *al-Nukat fi al-Masail al-Muktalaf fiha baina al-Shafie al-Maṭlabi al-Hashimi al-Qurasyi wa Abi Hanifah (RA)* oleh al-Shirazi, *al-Durat Mudiyyah fi Ma Waqa'a fih al-Khilaf baina al-Shafieyyah wa al-Hanafieyyah* oleh Imam al-Haramain al-Juwaini, juga kitab *Mughith al-Khalq fi Tarjih Qaul al-Haq* tulisan beliau, *al-Kamil fi al-Khilaf Baina al-Shafieyyah wa al-Hanafieyyah* oleh ibn Sibagh, *Tariqat al-Khilaf Baina al-Shafieyyah wa al-Hanafieyyah* oleh Qadi Abi Hassan bin Muhammad bin Ahmad al-Maruzi dan lain-lain.

Dalam soal ini Ibn Khaldun ada berkata:

“...Dan semasa *munazarah-munazarah* (perdebatan) ini diadakan, diterangkan disitu tempat ambilan hukum bagi para imam-imam, disamping punca perselisihan dan tempat-tempat mereka berijtihad, dan bahagian ini dinamakan *khilafieyyat*, dan adalah menjadi kemestian bagi mereka yang terlibat dengannya untuk mengetahui kaedah-kaedah yang dengannya dapat menyampaikan kepada istinbat hukum sebagaimana juga halnya ia diperlukan oleh para mujtahid, namun mujtahid memerlukan kaedah-kaedah ini untuk mengistinbat hukum, dan mereka yang terlibat dalam ilmu perbandingan memerlukan kaedah-kaedah ini untuk memelihara isu-isu yang telah diistinbatkan hukumnya dari dirosakkan oleh mazhab yang tidak bersetuju dengan menggunakan dalilnya.”²⁴

Dr Saif Rejab al-Qazamil juga ada menyebutkan:

“Dan ini adalah tujuan penting dari tujuan-tujuan *muqaranah*, kerana orang yang membuat perbandingan (*muqarin*) akan mendapati inilah yang diamalkan oleh para imam-imam mujtahidin, dan mereka mengingatkan tentang perkara ini (mengambil dalil yang asoh atau kuat sahaja). Bahkan berkatalah bukan seorang dari mereka bahawa “apabila sah sesuatu *hadith* itu maka ia adalah mazhabku, dan campakkanlah pendapatku ke dinding, juga

²¹ Al-Ghazali, Op.cit, jld 1, h. 36.

²² Dr Waliyuddin Farfur Op.cit, h. 28.

²³ Ibn Kathir dalam kitabnya *al-Bidayah wa al-Nihayah* juga ada merekodkan perdebatan ilmiah antara mereka, antaranya kisah tahun 606 Hijrah dalam soal zakat dimana seorang ulama dari mazhab Hanafi yang bernama Najmuddin Khalil dari Damsyiq berdebat dengan ulama Shafie yang mengajar di madrasah Nizamiyyah iaitu Majduddin Yahya bin Rabi' dalam soal zakat ke atas harta anak yatim dan orang gila yang mana menurut mazhab Hanafi keduanya tidak dikenakan zakat lalu mereka berdebat- rujuk Ibn Kathir (1998), *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Jld 17, tahqiq Dr Abdullah bin Abdul al-Muhsin al-Turki, Giza: Hijr, h. 5.

²⁴ Ibn Khaldun, Op.cit, h. 203.

berkatalah Imam Malik, kata-kata seseorang itu boleh diambil dan ditinggalkan melainkan kata-kata Rasulullah SAW”²⁵.

Takhrij Sebagai Pengembang dan Penerus Kelangsungan Mazhab

Takhrij juga adalah metode yang digunakan oleh para ulama pengikut sesuatu mazhab itu untuk mengembangkan lagi mazhab yang mereka ikuti. Bagi mazhab al-Shafie sebagai contoh, ianya dikembangkan oleh para *ashab* yang digelar *Ashab al-Wujuh*. Mereka ini merupakan ulama mazhab yang mentakhrijkan furu'-furu' fiqh yang baru berdasarkan kaedah-kaedah usul yang ditinggalkan oleh imam. Bagi mazhab al-Shafie, melalui furu'-furu' yang ditakhrijkan oleh mereka ini maka mazhab Shafie berkembang, begitu juga ianya berlaku kepada mazhab-mazhab lain. Al-Juwaini menyebutkan bahawa imam mazhab menyusun kaedah-kaedah *istinbat* hukum bagi mazhabnya sementara *ashab-ashabnya* akan memperkemas kaedah tersebut melalui perbincangan dan aplikasi-aplikasi dalam isu-isu yang belum wujud semasa kaedah tersebut disusun. Dalam hal ini al-Isnawi menyatakan:

“Furu'-furu' fiqh yang aku sebutkan ada beberapa jenis, sebahagiannya merupakan yang telah disebutkan oleh para *ashab* kami yang bertepatan dengan kaedah (yang dipakai dalam mazhab al-Shafie), ada ada juga yang tidak selari dengan kaedah, dan ada juga yang tidak aku dapati adanya perbincangan oleh para *ashab* tentang perkara tersebut sama sekali lalu aku selesaikan isu tersebut berdasarkan kaedah usul mazhab kami, di samping memerhatikan juga kaedah mazhab dan juga isu-isu fiqh yang sebanding dengannya”²⁶.

Satu kajian telah dibuat tentang perbandingan peratusan hukum yang terhasil dari *takhrij* para *Ashab al-Wujuh* dan hukum-hukum yang dinaqalkan dari imam mazhab sendiri dan subjek kajian adalah kitab *Minhaj al-Talibin wa 'Umdatul al-Muttaqin* karya imam al-Nawawi. Hasil kajian menunjukkan bahawa lebih kurang 70% hukum yang dinaqalkan yang terdapat dalam kitab ini adalah hasil dari *takhrij* dan selebihnya adalah dari nas imam sendiri. Hal ini menjelaskan betapa besarnya peranan *takhrij* dalam mengembangkan sesuatu mazhab²⁷.

Bahkan jika dilihat dari pendapat-pendapat yang terdapat dalam mazhab al-Shafie yang diistinbatkan melalui proses *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* atau yang dinamakan *Wajhu/Wujuh* ini, terdapat isu yang mempunyai sehingga 7 pendapat, dan ini jelas menunjukkan bagaimana ilmu ini berperanan mengembangkan mazhab ke peringkat yang lebih tinggi yang mungkin tidak dijangka oleh pengasas mazhab sendiri²⁸.

Kitab-kitab Yang Ditulis dalam Ilmu Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul

Melihat kepada kepentingan bidang *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* dalam mengistinbat hukum berdasarkan suatu mazhab tertentu, para ulama` dari mazhab-mazhab utama dalam Islam menghasilkan buku-buku yang menerangkan *takhrij al-furu'* berdasarkan mazhab mereka. Setiap buku-buku ini mengandungi keistimewaan tertentu dalam membahaskan topik-topik yang diutarakan. Antara buku-buku utama yang ditulis dalam bidang ini ialah:

1. Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul oleh Imam al-Zanjani.

Kitab *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* ditulis oleh imam al-Zanjani. Ia adalah kitab terawal dan antara yang terpenting yang menerangkan tentang *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*. Kitab ini membincangkan tentang kaedah-kaedah Usul al-Fiqh yang dipakai dalam mazhab al-Shafie dan aplikasinya dalam menghasilkan hukum-hukum furu'. Ia juga satu-satunya kitab *takhrij* yang disusun berdasarkan bab-bab yang ada dalam ilmu fiqh, berbeza dengan kitab-kitab *takhrij* lain yang disusun berdasarkan tajuk dan bab-bab yang ada dalam ilmu *Usul al-Fiqh*. Kitab ini juga adalah kitab perbandingan antara mazhab Shafie dan mazhab Hanafi.

²⁵ Dr Saif Rejab al-Qazamil (t.t), *Dirasat al-Muqaranah Mukhtarah min al-Ibadat fi al-Fiqh al-Islami*, Tanta, h. 10.

²⁶ Al-Isnawi, Jalaluddin 'Abdul Rahim bin Hassan (2004), *al-Tamhid fi al- Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, tahqiq oleh Muhammad Hasan Muhammad Hasan Ismail, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 25.

²⁷ Dr Ahmad Mahyuddin Saleh (t.t), *Ashab al-Wujuh fi al-Fiqh al-Shafie Wa Atharuhum fi Ta'awwuri al-Mazhab*, (bil. 3) Kuliaah Madad al-Adab, Universiti Iraq, h. 375.

²⁸ Antara ulama` yang dikira sebagai *Ashab al-Wujuh* dalam mazhab al-Shafie ialah Abu Sayyar, al-Busyanji, Ahmad bin Qasim al-Anmati, al-Maruzi, Ibn Suraij, Abu Bakar al-Sairafi, al-Qaffal, Qadi Husain dan lain-lain- lihat al-Husaini, Abu Bakar bin Hidayatullah (1982), tahqiq Adil Nuhat, *Tabaqat al-Shafieyyah*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin Ali (t.t), tahqiq Dr Ihsan Abbas, *Tabaqat al-Fuqaha`*, Beirut: Dar al-Raid al-Arabi.

2. Kitab *Tamhid fi al-Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*.

Kitab ini ditulis oleh Jamal al-Din Abi Muhammad 'Abdul Rahim bin al-Hassan al-Isnawi (wafat tahun 772 Hijrah). Kitab ini ditulis hampir 100 tahun sesudah kitab *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* oleh Imam al-Zanjani. Berbeza dengan kitab-kitab *takhrij* lain, kitab ini tidak membuat perbandingan antara mazhab-mazhab, bahkan menfokuskan perbincangan hanya dalam lingkungan mazhab al-Shafie sahaja, dengan menerangkan kaedah-kaedah usul yang dipakai oleh mazhab al-Shafie dan furu'-furu' yang terbit darinya, juga pendapat-pendapat dan riwayat yang terdapat dalam mazhab Shafie bagi sesuatu furu' tersebut.

3. Kitab *Miftah al-Wusul fi Bina' al-Furu' 'ala al-Usul*.

Kitab ini ditulis oleh Imam al-Sharif Abi 'Abdullah Muhammad bin Ahmad, al-Maliki, al-Tilmisani (wafat pada tahun 771). Ia sebuah kitab yang walaupun kecil dan ringkas namun ia dianggap salah satu kitab terpenting dan menjadi rujukan utama dalam membicarakan tentang ilmu *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* terutama dalam mazhab Maliki. Kitab ini sebenarnya adalah kitab *Usul al-Fiqh* namun oleh kerana ia membawakan contoh-contoh bagi setiap kaedah-kaedah usul yang disebutkan maka ulama' menganggap bahawa ia adalah kitab *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*.

4. Kitab *Al-Qawaid wa al-Fawaid al-Usuliyah*.

Kitab ini ditulis oleh seorang ulama dari mazhab Hanbali iaitu Abu al-Hassan Alauddin bin Muhammad bin Abbas al-Ba'li al-Hanbali atau lebih dikenali dengan nama Ibnu al-Lahham (803 Hijrah). Dari segi keistimewaan, walaupun tidak banyak tajuk dan kaedah-kaedah Usul al-Fiqh yang disentuh dalam kitab ini berbanding dengan kitab-kitab *takhrij* lain namun bagi setiap kaedah-kaedah yang terdapat dalam kitab ini, penulis membawakan furu'-furu' yang sangat banyak, dan ini sangat membantu mereka yang ingin mendalami bidang *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*.

Sumber Kehujahan *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*

Secara umumnya, *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* adalah bersumberkan kepada kaedah-kaedah *istinbat* hukum yang dipakai oleh imam, atau *dawabit-dawabit* hukum, atau nas-nas imam yang kemudiannya menjadi satu kaedah *istinbat* hukum, atau kaedah-kaedah hukum yang diasaskan oleh para pengikut imam dan diterima sebagai sebahagian dari kaedah-kaedah *istinbat* hukum bagi sesuatu mazhab itu.

Bagi mazhab al-Shafie, oleh kerana kebanyakan usul yang digunakan oleh Imam al-Shafie telah diterangkan oleh beliau sendiri sebagai imam mazhab, atau dinaqal dan diriwayatkan oleh para ashab mazhab dari beliau maka mudahlah diketahui sumber *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* bagi mazhab al-Shafie. Dalam hal ini, kitab *al-Risalah* adalah antara sumber paling jelas yang menerangkan kaedah-kaedah *Usul al-Fiqh* yang digunakan. Antara kaedah usul yang terdapat dalam *al-Risalah* ialah kewajipan berpegang dengan al-Qur'an, kehujahan *khbar wahid* iaitu hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang adil namun dari segi bilangan periwayat, ianya tidak mencapai had mutawatir. Begitu juga dalam bab *qiyas* iaitu beliau menerangkan tentang kehujahan *qiyas* termasuklah *qiyas al-Shabah*.²⁹

Selain dari itu, sumber *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* bagi mazhab al-Shafie termasuklah kitab *al-Um* dan kitab ini sebagai salah satu sumber utama kaedah-kaedah usul mazhab, bahkan boleh dikatakan bahawa *al-Um* adalah kitab dua dalam satu, iaitu kitab fiqh, dan dalam masa yang sama adalah kitab *Usul al-Fiqh*.³⁰ Selain dari itu juga sumber kaedah *Usul al-Fiqh* bagi mazhab al-Shafie ialah kitab *al-Hujjah* yang ditulis oleh Imam al-Shafie

²⁹ Khabar *Wahid* atau hadith *Ahad* ialah hadith yang diriwayatkan oleh seorang perawi, dan Ibn Hajar menyatakan hadith *Ahad* ialah hadith yang tidak memenuhi syarat hadith mutawatir. Al-Isnawi menyebutkan bahawa khabar *Wahid* ialah hadith yang diriwayatkan oleh perawi yang adil dan dari segi bilangan periwayat, ianya tidak mencapai had mutawatir. Secara umumnya hadith *ahad* diterima sebagai hujjah walaupun wujud perbezaan pendapat antara ulama usuliyin samada ia menghasilkan yakin ('ilm) atau zan. Namun bagi hadith *ahad* bagi perkara yang *umum balawa* maka mazhab al-Shafie menerimanya, sementara mazhab al-Hanafi menolaknya - rujuk al-Isnawi, Jalaluddin 'Abdul Rahim bin Hassan (2004), *al-Tamhid fi al-Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, tahqiq oleh Muhammad Hasan Muhammad Hasan Ismail, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 264, Al-Laknawi, Abdul Ali Muhammad bin Nizamuddin Muhammad al-Sahalawi al-Ansari (2003), *Fawatih al-Rahmut Syarh Mussalamut al-Thubut*, Jld 2, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 158, Al-Shafie, Muhammad bin Idris al-Mutalibi (t.t), *Al-Risalah*, tahqiq Ahmad Muhammad Syakir, Dar al-Fikir, h. 401.

³⁰ Rujuk Al-Shafie, Muhammad bin Idris (2001), *Al-Um*, tahqiq Dr Rifaat Fawzi 'Abdul Mutallib, Mansurah: Dar al-Wafa', Abdul Wahab bin Ahmad Khalil bin Abdul al-Hamid (2008), *al-Qawaid wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah fi kitab al-Um lil Imam al-Shafie, Jam'an wa Tartiban wa al-Dirasah*, Dar al-Tadmiriyyah, <http://www.salmajed.com/node/7488>.

semasa beliau berada di Iraq, dan ianya adalah pendapat-pendapatnya yang lama sebelum beliau berpindah ke Mesir (*qaul qadim*). Juga dari kitab *Jima' al-Ilmi* iaitu kitab yang menerangkan tentang kejujuran hadith *ahad, nasikh mansukh, Ijma'*, dalalah *al-Alfaz* seperti *Mujmal* dan *Mubayyan, al-Nahyi* sama ada membatalkan perbuatan atau tidak dan sebagainya.³¹

Selain dari itu juga, kaedah usul boleh diambil dari riwayat yang dinaqalkan oleh anak murid imam dari imam sendiri seperti kitab *Mukhtasar al-Muzani* dengan dua syarahnya yang terkenal iaitu *al-Hawi al-Kabir* oleh Imam al-Mawardi dan *Bahrul al-Mazhab* oleh Imam al-Ruyani. Kaedah Usul juga adalah berdasarkan *furu'-furu'* imam yang dijadikan usul mazhab, atau pendapat dan kaedah-kaedah yang yang diasaskan oleh para ashab yang diguna pakai dalam mazhab al-Shafie.

Dari segi kaedah-kaedah yang digunapakai dalam mazhab al-Shafie ini, berdasarkan kaedah-kaedah yang disebutkan oleh al-Zanjani dalam kitabnya *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, didapati bahawa 2/3 dari keseluruhan kaedah (96 kaedah) adalah kaedah yang bersumberkan imam mazhab sendiri, dan hampir 1/3 dari kaedah adalah kaedah-kaedah yang disandarkan kepada para ashab dan bukan kepada imam sendiri.

Satu kajian menyatakan bahawa mazhab usul al-Shafie berlegar pada 139 kaedah usul, 15 daripada jumlah tersebut adalah kaedah yang terdapat dua riwayat dari imam mazhab dan selebihnya adalah kaedah yang ditakhrijkan oleh para ashab mazhab sama ada ia ada dua pendapat atau lebih (*Wajhayn atau awjuh*). Adapun dari segi tajuk-tajuk usul yang dibincangkan dalam mazhab al-Shafie, 48 kaedah adalah berdasarkan nas dari imam, 40 adalah takhrij oleh *ashab* dari dari usul imam al-Shafie, 63 adalah ditakhrijkan dari *furu'* yang ditinggalkan oleh imam, 28 adalah *takhrij* dari kaedah usul yang diistinbatkan dari *furu'* yang ditinggalkan oleh imam, dan 21 kaedah adalah *takhrij* dari *furu'-furu'* yang dibina oleh para *ashab* berdasarkan kepada kaedah-kaedah umum yang dicituskan oleh imam³².

Hukum Menisbahkan Pendapat Kepada Sesuatu Mazhab Berdasarkan Kaedah *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*

Dari segi hukum menisbahkan pendapat yang terhasil dari kaedah *Usul Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* kepada sesuatu mazhab, ianya perlu dilihat dari dua sudut iaitu *takhrij* dengan maksud menerangkan usul-usul imam, dalil-dalil yang digunakan oleh mereka dalam membina hukum fiqh, juga aplikasinya melalui contoh-contoh sedia ada atau *takhrij* dengan maksud mentakhrijkan hukum-hukum baru dan menisbahkannya kepada imam mazhab. Bagi sudut pertama ini, ianya tidak menjadi masalah, bahkan ianya digalakkan, sepertimana kata-kata Dr Yaakob:

“Adapun sudut pertama, maka jelas di sana tiada larangan padanya, jika penta'lilan sebegini tidak membawa kepada menghubungkan hukum fiqh baru dengan apa (hukum) yang terdapat dari imam dalam sesuatu masalah itu. Ini kerana ta'lilat (mengeluarkan 'illah hukum) dan pentawjihan (mengeluarkan pendapat dari apa yang disebutkan oleh imam) bukanlah hukum taklifi, dan bukanlah juga penisbahan pendapat terhadap imam, melainkan jika ia didakwa sebagai tempat pengambilan hukum bagi imam. Melaluinya terhasil hukum fiqh yang baharu melalui kaedah yang jelas penta'lilannya. Maka ketika itu furu' fiqh akan termasuk dalam ruang lingkup qiyas berdasarkan nas imam. Namun jika 'illah hukum itu diistinbatkan oleh pembuat takhrij sendiri, maka ia termasuk dalam perbincangan takhrij al-furu' 'ala al-furu'.”³³

Namun *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* dengan maksud mengeluarkan hukum fiqh baharu berdasarkan kaedah-kaedah *Usul al-Fiqh* serta menisbahkannya kepada imam mazhab, terdapat dua pendapat ulama'. Ibn Solah membenarkannya namun al-Nawawi melarangnya kerana menurut beliau ada kemungkinan pentakhrij tidak menjaga maksud yang dikehendaki oleh imam mazhab sendiri³⁴. Ini bukanlah bermaksud mencela hukum yang terhasil dari *takhrij*, namun yang dilarang hanyalah menisbahkan hukum yang terhasil dari *takhrij* kepada

³¹ Imam al-Shafie menulis kitab *Jima' al-Ilm* dan antara topik didalamnya adalah khabar *wahid* dan hubungannya dengan al-Quran, dan hukum beramal dengannya, juga *Ijma'* dan kedudukannya dalam sumber syarak, begitu juga umum dan khusus dan lain-lain lagi- rujuk al-Shafie, Muhammad bin Idris (t.t), *Jima' al-Ilmi*, Maktabah Ibn Taimiyyah.

³² Al-Zanjani, Op.cit, h. 109, Irwandi Anwar, *Tahqiq Mazhab al-Shafie Fi Ma Ikhtalafu fih Min al-Masail al-Usuliyah fi al-Mabahith al-Hukm al-Shar'ie*, <http://fiqh.islammesssage.com/NewsDetails.aspx?id=3797>.

³³ Dr Yaakob al-Bahusain Op.cit, h. 99.

³⁴ Ibn Solah; Ibn Solah, Usman bin 'Abdul al-Rahman (1986), *Fatawa Wa Masail Ibn Solah fi al-Tafsir wa al-Hadis wa al-Usul wa al-Fiqh wa Maa'ahu Adab al-Mufti Wa al-Mustafti*, Jld, 1, tahqiq Dr 'Abdul al-Mu'ti Amin al-Qal'aji, Beirut: Dar al-Ma'rifah, h. 24, 25, Dr Ibrahim al-Hafnawi Op.cit, h. 171.

pendapat atau kata-kata imam sendiri. Adapun hukum yang terhasil, ianya dikira sebagai sebahagian dari mazhab itu sendiri. Dalam soal ini Dr Ibrahim Hafnawi menyatakan bahawa:

“Maka yang demikian itu (takhrij yang dibuat oleh pengikut mazhab al-Shafie yang berdasarkan kaedah usul beliau) dikira sebagai sebahagian dari mazhab al-Shafie, tanpa adanya khilaf dalam soal itu, namun tidak pula boleh dikatakan bahawa ia adalah kata-kata beliau sendiri tetapi yang boleh dikata ialah ia adalah Wajah-wajah (wajah-pendapat-pendapat) yang wujud dalam mazhabnya. Ini kerana beliau tidak pernah menyebutkan tentang pendapat tersebut sama sekali sekalipun wajah/pendapat tersebut terhasil dari takhrij yang dibuat berdasarkan kaedah usul yang disusun oleh beliau, begitu juga mengikut kaedah-kaedahnya, maka wajah (pendapat) tersebut walau bagaimanapun ia tetap dikira sebagai sebahagian dari mazhab al-Shafie”³⁵.

Contoh-contoh *Takhrij al-Furu'* dalam Sistem Kewangan Islam Semasa

Takhrij al-Furu' boleh digunapakai dalam menyelesaikan banyak isu-isu semasa yang belum pernah dibincangkan oleh imam mazhab dan para fuqaha' terdahulu. Dalam konteks kewangan Islam moden sama ada dalam perbankan Islam, takaful, pasaran modal Islam dan sebagainya, *takhrij al-furu'* sangat diperlukan dalam mengistinbatkan hukum-hukum bagi produk-produk kewangan moden yang sangat kompleks dan mencabar. Apatah lagi dengan pengenalan pelbagai konsep yang diambil dari sistem kewangan konvensional yang mana sebahagiannya perlu diperhalusi dari kaca mata Syariah.

Antara aplikasi *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* dalam sistem kewangan Islam moden ialah menghukumkan sesuatu produk berdasarkan banyaknya persamaan antaranya dan mengaitkannya dengan mana-mana konsep dalam Islam. Ini bermaksud apabila ia menyerupai produk yang halal maka ia dihukumkan sebagai halal dan begitulah sebaliknya jika ia menyerupai produk yang haram maka ia dihukumkan sebagai haram. Konsep ini adalah berdasarkan kaedah Usul al-Fiqh yang dikenali dengan nama *Qiyas al-Shabah*.

Takhrij al-Furu' juga dilakukan berdasarkan kepada tempat berlakunya larangan terhadap sesuatu produk. Apabila larangan berlaku terhadap rukun aqad maka ia dihukumkan sebagai aqad yang batil, atau pada syarat yang perlu dipenuhi pada sesuatu aqad maka ia dihukumkan sebagai fasid, juga kesan dari sesuatu aqad yang batil dan fasid itu. Ini penting terutama dalam melaksanakan tugas yang berkaitan pemantauan dan kepatuhan Syariah (Syariah Review/Audit). Begitu juga aplikasi *qiyas* pada bilangan (*taqdirat*), ianya sangat berguna terutama untuk menentukan kadar yang dimaafkan dalam sesuatu produk pelaburan yang bercampur antara unsur yang halal dan haram (mixed activities/mixed income).

Seterusnya *takhrij* berdasarkan kaedah yang digunapakai dalam soal zakat iaitu zakat merupakan hak ke atas harta, dan ia lebih melihat kepada kecukupan harta dari segi nisab dan *haul* tanpa terlalu bergantung kepada kecukupan syarat *taklif* ke atas pemiliknya, dan ianya termasuklah zakat berdasarkan konsep *khulṭah* dan bagaimana *takhrij* berdasarkan konsep *khulṭah* ini banyak membantu institusi yang menguruskan zakat khususnya dalam menjana kutipan dan agihan yang lebih disebabkan kerana ramainya jumlah pemilik dana yang tertakluk kepada zakat berdasarkan konsep *khulṭah*.

Takhrij berdasarkan kaedah-kaedah ini sangat penting dalam sistem kewangan Islam moden dan ia berperanan memandu para mujtahid mutaakhir dalam mengistinbatkan hukum berdasarkan metod yang telah terbukti kesahihannya dan telah digunapakai oleh para fuqaha' mazhab semenjak berabad lamanya.

Kesimpulan

Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul mempunyai kepentingan yang tersendiri dalam proses pengistinbatan hukum kerana melaluinya seseorang pengkaji dapat mengetahui bagaimanakah *Usul al-Fiqh* diaplikasikan dalam mengistinbatkan hukum-hukum fiqh. Melaluinya juga dapat diketahui dalil-dalil Syarak dan asas-asas hukum, mengetahui mazhab dan pandangan-pandangan yang rajih dan kuat. Pengetahuan tentang perkara-perkara ini adalah sangat penting dalam proses pengeluaran hukum kerana ia membolehkan seseorang itu mengistinbatkan hukum berdasarkan mazhab yang ia ikuti dan berdasarkan ini jugalah *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* juga berfungsi sebagai pengembang dan penerus kelangsungan sesuatu mazhab.

³⁵ Dr Ibrahim al-Hafnawi Ibid, h. 170-171, juga rujuk Dr Waliyuddin al-Farfur, Op.cit, h. 135.

Dari sudut sejarah perkembangan *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* dengan maksud *istinbat* hukum berdasarkan mazhab tertentu, Imam al-Shafie adalah orang pertama yang mengasaskan *Takhrij al-Furu' 'ala al-usul* melalui kitab-kitab *Usul al-Fiqh* dan fiqhnya, dan ini berbeza dengan imam-imam mazhab lain yang tidak meninggalkan kitab-kitab yang boleh dijadikan batu asas dalam *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*. Kaitan antara *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* dan aliran penulisan yang terdapat dalam ilmu Usul al-Fiqh ialah *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul* adalah kesinambungan dari ilmu Usul al-Fiqh itu sendiri maka ia mempunyai kaitan dengan aliran penulisan yang terdapat dalam ilmu Usul al-Fiqh iaitu aliran al-Shafieyyah al-Mutakallimin. Wallahu a'lam.

Rujukan

'Abdul Wahab bin Ahmad Khalil bin Abdul al-Hamid, 2008. *al-Qawaid wa al-Dawabit al-Fiqhiyyah fi kitab al-Um lil al-Imam al-Shafie, Jam'an wa Tartiban wa al-Dirasah*, Dar al-Tadmiriyyah.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad, 1997. *Al-Mustasfa min al-'Ilmi al-Usul*, Beirut: Muassasat al-Risalah.

Al-Husaini, Abu Bakar bin Hidayatullah tahqiq Adil Nuhath, 1982. *Tabaqat al-Shafieyyah*, Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

Al-Isnawi, Jamaluddin 'Abdul Rahim bin Hassan, 2004. *al-Tamhid fi al-Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, tahqiq oleh Muhammad Hasan Muhammad Hasan Ismail, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Isnawi, Jamaluddin Abdul Rahim bin Hassan, 1999. *Nihayat al-Sul Syarh Minhajul al-Wusul fi al-'Ilmi al-Usul*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Jurjani, 'Ali bin Muhammad bin 'Ali al-Jurjani, 2000. *al-Ta'rifat*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Juwaini, Imam al-Haramain 'Abdul Malik bin 'Abdullah, 1399H. *al-Burhan fi al-Usul al-Fiqh*, tahqiq Dr 'Abdul 'Azim Daib, Daulah Qatar.

Al-Laknawi, Abdul Ali Muhammad bin Nizamuddin Muhammad al-Sahalawi al-Ansari, 2003. *Fawatih al-Rahmut Syarh Mussalamut al-Thubut*, (Lubnan, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Mahalli, Jalaluddin Abu Abdullah Muhammad bin Shihabuddin, 1999. *Syarh al-Waraqat fi Usul al-Fiqh*, tahqiq Dr Hisamuddin bin Musa al-Afanah.

Al-Razi, Muhammad bin Amru bin Hussain Fakhruddin, 1986. *Manaqib al-Shafie*, tahqiq Dr Ahmad Hijazi al-Saqa, Kaherah; Maktabah Kuliyyah al-Azhariyyah.

Al-Shafie, Muhammad bin Idris, 2001. *Al-Um*. tahqiq Dr Rifaat Fawzi 'Abdul Mutallib Mansurah: Dar al-Wafa'.

Al-Shafie, Muhammad bin Idris, (t.t). *al-Risalah*, tahqiq Ahmad Muhammad Syakir, Dar al-Fikir.

Al-Shafie, Muhammad bin Idris, (t.t). *Jima' al-'Ilmi*, Maktabah Ibn Taimiyyah.

Al-Shirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin 'Ali, (t.t). *Tabaqat al-Fuqaha*, tahqiq Dr Ihsan Abbas, Beirut: Dar al-Raid al-'Arabi.

Al-Zanjani, Shihabuddin Mahmud bin Ahmad, (t.t). *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul*, tahqiq Dr Adib Saleh, Muassasah al-Risalah.

Dr Ahmad Mahyuddin Saleh, (t.t). *Ashab al-Wujuh fi al-Fiqh al-Shafie Wa Atharuhum fi Tatawwur al-Mazhab*. Kuliah Madad al-Adab, Universiti Iraq, bil. 3.

Dr Ibrahim al-Hafnawi, 2009. *Al-Fathul al-Mubin fi al-Ta'rif bi Mustalahat al-Fuqaha' wa al-Usuliyyin*, Kaherah: Dar al-Salam li al-Taba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi' wa al-Tarjamah.

Dr Ibrahim al-Hafnawi, (t.t). *Dirasat Usuliyyah*, Tanta.

- Dr Mas'ud bin Musa Falusi, 2004. *Madrasatul al-Mutakallimin wa Manhajuhā fī Dirasah Usul al-Fiqh*, Riyadh: Maktabah al-Rusyd Nasyirun.
- Dr Muhamad Hamid Uthman, (t.t). *al-Qamus al-Mubin fī al-Istīlahat al-Usuliyyin*. (Kaherah; Dar al-Hadith, tanpa cetakan.
- Dr Muhammad Bakar Ismail Habib, 1429H. '*Ilmu al-Takhrij al-Furu' ala al-Usul*, Majallah Jamiah Ummul al-Qura Li Ulum al-Shariah wa al-Dirasat al-Islamiyyah (45).
- Dr Muhammad Riyad al-Fakhri, (t.t). *Tatawuir al-'Alaqah Baini 'Ilm al-Usul al-Fiqh wa Usul al-Din wa Atharuhu fī al-Masail al-Usuliyyah*, Iraq: Mu'tamar Ilmu Usul al-Fiqh Wa Silatuhu Bi Ulum al-Ukhra, Majallah 'Ulum al-Islamiyyah.
- Dr Mustafa al-Khin, 2009. *Athar al-Ikhtilaf fī al-Qawaid al-Usuliyyah fī ikhtilaf al-Fuqaha'*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Dr Nazih Hammad, 2001. *Qadaya Fiqhiyyah Mu'asarah fī al-Mal wa al-Iqtisad*, (Damsyiq, Dar al-Qalam.
- Dr Saif Rejab al-Qazamil, (t.t). *Dirasat al-Muqaranah Mukhtarah min al-'Ibadat fī al-Fiqh al-Islami*, Tanta.
- Dr Waliyuddin Mohamad Saleh al-Farfour, 2003. *Takhrij al-Furu' 'ala al-Usul: Dirasah Muqaranah wa al-Taṭbiq*, Damsyiq: Dar al-Farfour.
- Dr Yaakob bin Abdul Wahab al-Bahisain, 1993. *Takhrij al-Furu' 'inda al-Fuqaha' wa al-Usuliyyin : Dirasah Nazariyyah Taṭbiqiyah Ta'siliyyah*, Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Kathir, Ismail bin Umar, 2004. *al-Bidayah wa al-Nihayah*, tahqiq Hannan bin Abdul al-Mannan, Lubnan: Bait al-Afkar al-Dawliyyah.
- Ibn Solah, Usman bin 'Abdul al-Rahman, 1986. *Fatawa Wa Masail Ibn Solah fī al-Tafsir wa al-Hadis wa al-Usul wa al-Fiqh wa Maa'ahu Adab al-Mufti Wa al-Mustafti*, tahqiq Dr 'Abdul al-Mu'ti Amin al-Qal'aji, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibnu Khaldun, Abu Zaid Abdul Rahman bin Muhammad bin Khaldun, 2005. *al-Muqaddimah*, tahqiq Abdul Salam al-Shadadi, Khazanah Ibn al-Khaldun: al-Bait al-Funun wa al-'Ulum wa al-Adab.
- Irwandi Anwar, *Tahqiq Mazhab al-Shafie Fi Ma Ikhtalafu fihī min al-Masail al-Usuliyyah fī al-Mabahith al-Hukm al-Shar'ie*, <http://fiqh.islammessage.com/NewsDetails.aspx?id=3797>.
- Manna' Qattan, 2000. *Tarikh al-Tasyri' al-Islami; al-Tasyri' wa al-Fiqh*, Riyadh, Maktabah al-Ma'arif li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Mohammad 'Ali al-Sais, 2004. *Tarikh al-Fiqh al-Islami*, Damsyiq, Dar al-Fikr.
- Muhammad Abu Zahrah, (t.t). *Usul al-Fiqh*, tanpa tempat cetakan.